



**ISU PENGOSONGAN TAPAK DI SEPANJANG JAJARAN
LANDASAN KERETA API KUALA KRAI, KELANTAN:
RAC SEDIA PERTIMBANG RAYUAN DAN LANJUTAN TEMPOH
PENGOSONGAN**

KUALA LUMPUR, 9 SEPT 2026 - Perbadanan Aset Keretapi (RAC) mengambil maklum akan kenyataan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guchil, YB Tuan Hilmi Abdullah serta kebimbangan yang dibangkitkan berhubung notis pengosongan kediaman dan premis yang diterima oleh penduduk yang menduduki tanah kereta api milik RAC di sepanjang jajaran landasan kereta api di Kuala Krai, Kelantan sebagaimana yang disiarkan menerusi laman Facebook Hilmi Abdullah dan juga '*I Love Kuala Krai*,' pada 8 September 2026.

Notis yang mula diedarkan kepada penduduk yang terlibat pada 6 September 2026 telah menjelaskan bahawa tindakan tersebut dibuat bagi membolehkan Projek Penstabilan dan Penambahbaikan Cerun yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) dapat dilaksanakan dengan selamat dan lancar.

Pelaksanaan projek ini merupakan langkah keselamatan yang penting bagi mengurangkan risiko kegagalan cerun dan kejadian tanah runtuh, sekali gus melindungi keselamatan pengguna perkhidmatan kereta api, penduduk berhampiran serta memastikan kelangsungan operasi tren di sepanjang jajaran yang terlibat.

KEPENTINGAN PROJEK PENSTABILAN DAN RE-PROFILE CERUN

Pelaksanaan projek ini dibuat susulan penilaian teknikal terhadap kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi di sepanjang jajaran landasan kereta api di Kelantan, khususnya susulan kejadian banjir besar yang melanda Pantai Timur pada tahun 2016.

UNTUK SIARAN SEGERA

Hasil penilaian teknikal tersebut telah mengenal pasti sebanyak 167 lokasi cerun dan tebing landasan yang mengalami keruntuhan atau hakisan, dengan 128 lokasi memerlukan tindakan pembaikan segera bagi memastikan keselamatan operasi tren.

Keperluan untuk melaksanakan kerja-kerja penstabilan cerun turut mengambil iktibar daripada kejadian tanah runtuh pada 31 Disember 2016 di antara Stesen Keretapi Dabong dan Hentian Kuala Gris yang mengakibatkan kegelinciran tren serta gangguan kepada operasi perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), termasuk perkhidmatan Ekspres Timuran bagi laluan Johor Bahru Sentral-Tumpat.

Berdasarkan penilaian kejuruteraan terkini, projek yang telah bermula pada awal tahun ini, melibatkan 79 kawasan cerun di sepanjang jajaran Gua Musang hingga Tumpat.

Penilaian tersebut turut menunjukkan bahawa kelewatan melaksanakan kerja-kerja penstabilan dan pembaikan berpotensi menyebabkan keadaan cerun sedia ada menjadi semakin kritikal. Keadaan ini seterusnya boleh meningkatkan risiko terhadap keselamatan pengguna, penduduk berhampiran dan operasi tren, selain berpotensi meningkatkan kos pembaikan pada masa hadapan.

Sehubungan itu, kerja-kerja penstabilan dan pembaikan cerun perlu dilaksanakan sebagai langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko kejadian yang lebih serius, khususnya di kawasan yang telah dikenal pasti mempunyai tahap risiko keselamatan yang tinggi.

PENYELARASAN PROSES PENGOSONGAN

Bagi membolehkan projek berkenaan dilaksanakan, sebanyak 90 kediaman dan struktur berkaitan telah dikenal pasti terlibat dalam proses pengosongan. Jumlah tersebut merangkumi tapak yang mempunyai perjanjian sewaan dengan RAC serta tapak yang diduduki tanpa kebenaran, seperti berikut:

- i. 75 kediaman dan struktur berkaitan di Jajahan Kuala Krai, melibatkan Guchil (60), Pahi (9), Jalan Jirat (4) dan Slow Pok Long (2);

UNTUK SIARAN SEGERA

- ii. 12 kediaman dan struktur berkaitan di Jajahan Gua Musang, melibatkan Kampung Serian (7) dan Limau Kasturi (5); dan
- iii. 3 kediaman dan struktur berkaitan di Jajahan Tanah Merah.

Sebelum proses penyampaian notis dilaksanakan, RAC telah mengambil langkah penyelarasan dengan pihak-pihak berkaitan. Antaranya, RAC telah memaklumkan perkara tersebut kepada Kerajaan Negeri Kelantan melalui surat kepada Pejabat Tanah berkaitan pada 25 Jun 2026, selain membentangkan perkara tersebut dalam mesyuarat bersama Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan pada 2 Julai 2026.

Bagi jajaran Gua Musang-Tumpat, gerak kerja penyampaian notis telah dimulakan di Gua Musang pada Julai 2026, diikuti kawasan Kuala Krai dan Tanah Merah pada 6 hingga 8 September 2026.

RAC juga ingin menjelaskan bahawa notis pengosongan bertempoh 30 hari yang dikeluarkan kepada penyewa adalah selaras dengan terma dan syarat perjanjian sewaan yang telah dipersetujui antara RAC dan penyewa.

Antara ketetapan dalam surat tawaran sewaan tersebut memperuntukkan bahawa sekiranya Kerajaan atau RAC memerlukan tapak berkenaan bagi sesuatu maksud atau tujuan, tapak tersebut hendaklah dikosongkan tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian yang telah dipersetujui.

Walau bagaimanapun, RAC memahami bahawa proses pengosongan ini memberi kesan kepada penghuni dan penyewa yang terlibat, khususnya mereka yang telah lama menetap di kawasan berkenaan. Sehubungan itu, RAC akan menguruskan perkara ini secara berhemah, teratur dan mengambil kira keadaan pihak-pihak terkesan.

UNTUK SIARAN SEGERA

RAC SEDIA MEMPERTIMBANGKAN RAYUAN DAN LANJUTAN TEMPOH PENGOSONGAN

RAC memahami bahawa penghuni dan penyewa yang terlibat mempunyai latar belakang, keadaan serta keperluan yang berbeza.

Sehubungan itu, RAC bersedia untuk meneliti dan mempertimbangkan rayuan yang dikemukakan oleh pihak-pihak terlibat, termasuk permohonan untuk melanjutkan tempoh pengosongan sehingga 90 hari, tertakluk kepada keadaan di lokasi, keperluan teknikal dan keselamatan serta jadual pelaksanaan projek.

Pendekatan ini bertujuan memberi ruang yang sewajarnya kepada pihak-pihak terlibat untuk membuat persediaan dan pengaturan yang diperlukan, selagi lanjutan tempoh tersebut tidak menjejaskan aspek keselamatan dan pelaksanaan kerja-kerja kritikal di kawasan yang terlibat.

RAC menegaskan bahawa tindakan pengosongan ini bukan dibuat secara sewenang-wenangnya, sebaliknya dilaksanakan berdasarkan penilaian kejuruteraan, keperluan teknikal dan pertimbangan keselamatan bagi membolehkan kerja-kerja penstabilan cerun dilaksanakan di kawasan yang telah dikenal pasti berisiko.

Pada masa yang sama, RAC kekal komited untuk menguruskan perkara ini dengan pendekatan yang berhemah, telus dan mengambil kira kepentingan pihak-pihak yang terkesan, tanpa menjejaskan keperluan keselamatan awam dan operasi perkhidmatan kereta api.

RAC akan terus bekerjasama dan berkoordinasi dengan Kerajaan Negeri Kelantan, pihak berkuasa berkaitan, wakil rakyat serta pihak-pihak yang terkesan bagi memastikan proses pengosongan dapat dilaksanakan secara teratur dan wajar, dengan mengambil kira kebajikan pihak terlibat serta keperluan pelaksanaan projek.

– TAMAT –

PERBADANAN ASET KERETAPI

9 SEPTEMBER 2026

UNTUK SIARAN SEGERA

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my.

Pertanyaan Media:

Unit Hal Ehwal Korporat

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 7459 0200 / 012 – 659 4256

Timb. Naib Presiden Komunikasi: Hazimin Sulaiman

E-mel: hazimin.sulaiman@rac.gov.my

No Tel: 603 - 7459 0200 / 016 – 6760297

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 7459 0200 / 010 – 400 6707